

## Sime Darby Property Catat Prestasi Cemerlang

### *Rekod Keuntungan Tertinggi Untuk TK2023*

- Syarikat merekodkan jumlah pendapatan dan keuntungan operasi yang tertinggi sejak pengasingannya pada 2017, yang masing-masing berjumlah RM3.4 bilion dan RM606.4 juta. Ini menandakan pencapaian cemerlang untuk tahun kedua berturut-turut susulan prestasi TK2022 yang membanggakan;
- Didorong oleh pelancaran baharu bernilai RM4.0 bilion dalam GDV, Syarikat melepasi sasaran jualan TK2023 sebanyak 22%, dan telah mencapai jualan berjumlah RM3.3 bilion serta mengekalkan rekod jualan belum dibil sebanyak RM3.6 bilion.
- PBT menunjukkan peningkatan 33% YoY kepada RM610.3 juta;
- Mengisytiharkan dividen kedua sebanyak 1.5 sen yang membawa jumlah keseluruhan dividen TK2023 kepada 2.5 sen.

**ARA DAMANSARA, 23 FEBRUARI 2024** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mengakhiri tahun kewangan penuh berakhir 31 Disember 2023 (“TK2023”) dengan mencatatkan pendapatan dan keuntungan operasi yang tertinggi sejak pengasingannya pada 2017, masing-masing sebanyak RM3.4 bilion dan RM606.4 juta. Ini menandakan pencapaian yang cemerlang untuk tahun kedua berturut-turut susulan hasil keuntungan operasi TK2022 sebanyak RM436.2 juta. Syarikat mencapai jualan sebanyak RM3.3 bilion yang melepasi sasaran jualan RM2.7 bilion. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) meningkat sebanyak 29% tahun-ke-tahun (“YoY”) kepada RM407.9 juta berbanding RM315.8 juta pada tahun sebelumnya. Sime Darby Property turut mengisytiharkan jumlah dividen sebanyak 2.5 sen sesaham untuk TK2023.

Pendapatan Syarikat sebanyak RM3.4 bilion menandakan peningkatan 25% YoY, dengan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) mencatatkan kenaikan 33% YoY kepada RM610.3 juta. Peningkatan ketara pendapatan dan PBT didorong oleh pencapaian jualan yang kukuh dan peningkatan dalam kemajuan pembangunan di perbandaran-perbandaran utama di bawah segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*), yang turut disokong oleh aktiviti-aktiviti pengewangan tanah bukan asas (*non-core land monetisation*).

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata, “Pencapaian cemerlang kami menunjukkan kepakaran operasi dan kewangan kami di kala 2023 yang penuh cabaran termasuk isu-isu rantai bekalan, pergerakan mata wang asing dan kekurangan tenaga

buruh. Kami telah menetapkan sasaran yang tinggi dan berasa amat bangga dengan pencapaian-pencapaian yang melangkaui jangkauan. Prestasi ini melambangkan kebolehan Syarikat serta kemajuan strategi SHIFT25 kami.”

#### **Q4 TK2023 vs Q3 TK2023**

Semua segmen perniagaan Syarikat, iaitu Pembangunan Hartanah, Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management* atau “IAM”) dan *Leisure* merekodkan pendapatan tinggi pada Q4 TK2023 serta menyumbang kepada jumlah pendapatan Syarikat sebanyak RM1.0 bilion pada suku ini. Syarikat mencapai jualan sebanyak RM817.9 juta pada Q4 TK2023 dengan penyumbangan tertinggi daripada produk kediaman bertingkat tinggi (*residential high-rise*) sebanyak RM327.8 juta. Manakala, PBT susut sebanyak 26% suku-ke-suku (“QoQ”) daripada RM228.5 juta kepada RM169.6 juta susulan daripada keterlihatan jualan tanah yang tinggi pada suku sebelumnya.

#### **TK2023 vs TK2022**

TK2023 mencatat jumlah pendapatan dan keuntungan yang lebih tinggi, dengan segmen Pembangunan Hartanah menyumbang 94% kepada jumlah keseluruhan pendapatan Syarikat, di samping peningkatan PBT sebanyak 33% YoY. Di bawah segmen IAM, kadar penghunian KL East Mall sebanyak 90% telah menyumbang kepada pendapatan segmen yang berjumlah RM107.8 juta, dengan PBT sebanyak RM15.8 juta. Pendapatan segmen Leisure meningkat sebanyak 11% YoY kepada RM93.8 juta. Segmen ini juga telah menandakan satu acara yang penting iaitu LPGA-Maybank Championship yang berlangsung di Kuala Lumpur Golf & Country Club pada bulan Oktober 2023.

#### **Pelancaran dan Jualan Produk TK2023**

Syarikat melancarkan produk-produk bernilai RM4.0 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value* atau “GDV”), di mana 17% terdiri daripada produk-produk perindustrian di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, dan Bandar Serenia di Selangor; Bandar Hamilton Nilai dan Nilai Impian di Negeri Sembilan; serta Bandar Universiti Pagoh di Johor. Produk-produk kediaman bertanah dan kediaman bertingkat tinggi mencapai kadar pengambilan purata yang ketara sebanyak 73% untuk tempoh yang sama, dengan Emilia di Nilai Impian dan Teja di SJCC mencatatkan kadar pengambilan sebanyak 100%.

Pencapaian jualan Syarikat sebanyak RM3.3 bilion merangkumi pelbagai produk termasuk 36% kediaman bertanah, 27% kediaman bertingkat tinggi, dan 31% perindustrian. Segmen perindustrian dan kediaman bertingkat tinggi telah merekodkan kemajuan, serta menyumbang

kepada peningkatan 15% dan 2% YoY, yang masing-masing berjumlah RM1.0 bilion dan RM889 juta. Tempahan semasa setakat 4 Februari 2024 adalah berjumlah RM1.9 bilion.

Setakat 31 Disember 2023, Syarikat telah mengekalkan tahap jualan belum dibil sebanyak RM3.6 bilion yang memastikan keterlihatan pendapatan untuk tiga tahun akan datang. Paras inventori lengkap Syarikat adalah bernilai RM390.3 juta dalam GDV, dengan baki tunai sebanyak RM603 juta, serta aliran tunai positif (tanpa pemerolehan tanah) sebanyak RM617 juta. Kedudukan kewangan Syarikat yang kukuh dibuktikan oleh nisbah hutang bersih sebanyak 23%.

Di peringkat antarabangsa, projek Battersea Power Station mencapai jualan perumahan sebanyak £243 juta (~RM1.4 billion) pada tahun 2023. TK2023 merupakan tahun yang amat penting bagi projek tersebut yang sudah menerima lebih daripada 11 juta pengunjung sejak 14 Oktober 2022.

“Perjalanan transformasi SHIFT25 kami ternyata telah membuahkan hasil dan ini memandu optimisme kami meskipun adanya cabaran-cabaran yang bakal di hadapi oleh sektor kami pada TK2024 dan seterusnya. Banyak tenaga dan usaha telah dikerah untuk kami tiba di mana kita berada sekarang, dan kami kini dalam posisi yang terbaik untuk berkembang bagi jangka masa yang panjang,” kata Dato’ Azmir.

### **Dividen**

Sime Darby Property mengisytiharkan dividen tier Tunggal kedua sebanyak 1.5 sen sesaham pada Q4 TK2023. Ini membawa kepada jumlah sebanyak 2.5 sen sesaham pada TK2023 yang berjumlah RM170 juta.

### **Prospek Untuk TK2024**

Sime Darby Property menjangkakan 2024 yang positif seperti yang dibuktikan oleh peningkatan jumlah jualan, pelancaran produk-produk baharu, pelengkapan projek, serta polisi dan insentif yang memanfaatkan daripada Kerajaan. Syarikat mengumumkan sasaran jualan sebanyak RM3.0 bilion dan pelancaran berjumlah RM3.9 bilion dalam GDV untuk TK2024. Sime Darby Property juga akan mengembangkan komponen runcit (*retail*) dan *placemaking* dengan pembukaan rasmi pusat beli-belah Elmina Lakeside Mall di Bandar Elmina pada Q2 TK2024. Ini merupakan pusat beli-belah milik penuh Syarikat yang kedua. Syarikat kekal optimistik dengan peluang-peluang untuk berkembang dalam sektor ini bagi memperluaskan penjanaaan pendapatan berulang untuk jangka masa yang panjang.

Berpandukan Matlamatnya untuk menjadi Pegganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet, Sime Darby Property akan giat membangunkan rumah-rumah mampu milik menerusi Seed Homes, yang merupakan portfolio terbaru Syarikat yang bertujuan untuk menyampaikan penyelesaian inovatif dalam segmen rumah mampu milik di Malaysia.

Di samping itu, sejajar dengan ikrar sifar bersihnya (*Net Zero*), Sime Darby Property telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan pelepasan Skop 1 dan 2 sebanyak 40% menjelang 2030 serta bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan seperti persatuan industri dan rantaian bekalan bagi menyokong penyahkarbonan yang komprehensif.

**- TAMAT SIARAN -**

### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehendkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselenggarakan oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pegganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2022, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju hartanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

**Untuk maklumat lanjut, sila layari** [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

**Kontak Media:** Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

**Untuk pertanyaan lanjut, sila emel:** [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)